

## UPM raih lapan emas olahraga

Oleh Izzali Ismail - September 11, 2024 @ 3:47pm  
bhsukan@bh.com.my



### PASUKAN OLAHRAGA

### OLAHRAGA | 4X400M CAMPURAN

Pasukan 4X400 meter campuran UPM turut menyumbang pingat emas semalam. Foto ikhsan UPM

SINTOK: Universiti Putra Malaysia (UPM) memulakan hari pertama acara olahraga Sukan Universiti Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) Universiti Utara Malaysia (UUM) 2024 semalam dengan langkah kanan apabila meraih lapan emas.

Kejayaan itu menjadikan UPM kini di landasan terbaik bagi mencapai sasaran 15 emas diletakkan pengurusan universiti untuk acara olahraga pada temasya SUKIPT edisi keenam ini.

Enam emas diraih adalah daripada acara lempar cakera lelaki dan wanita menerusi Kamal Farhan A Rahman dan Queenie Ting Kung Ni.

Acara 400 meter berpagar lelaki dan wanita masing-masing dikuasai Muhammad Aftar Rosli dan Mandy Goh Li sementara dua lagi emas menerusi acara lompat jauh lelaki iaitu Andre Anura Anuar dan 4x400 meter campuran dibarisi Alya, Ainur Shafiqah, Mandy Goh Li, Anas Ariffin, Muhammad Saiful Safwan Saifuddin.

Pengurus pasukan olahraga UPM, Shahrulnizar Nurhalim berkata, UPM berjaya menepati ramalan apabila dua pelari pecut mereka iaitu Aliff Iman Mohd Fahmi dan Azreen Nabila Alias meraih pingat emas dalam acara 100 meter lelaki dan wanita.

"Kami bersyukur kerana memperoleh emas yang kami sasarkan dalam dua acara pecut berkenaan diikuti enam lagi acara.

"Sebelum ini berdasarkan ranking SUKIPT UUM 2024, kita berada di bawah, jadi dengan acara olahraga ini diharapkan kami dapat terus memperbaiki kedudukan ranking UPM.

"Acara bagi olahraga ini menyediakan sebanyak 40 pingat emas dan kita mengharapkan atlet-atlet UPM dapat menjaga kesihatan sepanjang baki tiga hari lagi acara berlangsung," katanya sebaik tamat acara penyerahan pingat kejohanan di Stadium UUM.

Menurut Shahrulnizar, sasaran pingat emas kali ini lebih rendah berbanding pencapaian 19 pingat emas di SUKIPT 2022 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana ada atlet utama UPM yang tidak dapat hadir disebabkan kecederaan termasuk isu kecergasan.

"Kami mengharapkan atlet pelapis yang diberikan ruang dapat memanfaatkan peluang kali ini dalam menyerlahkan pontensi masing-masing," katanya